

RESEARCH ARTICLE

REAKSI PEMIMPIN POLITIK DAN BRITISH DI TANAH MELAYU TERHADAP REVOLUSI SOSIAL SUMATERA TIMUR, 1946-1957

(Reaction of Malay Political and British in Malaya According the Social Revolution in East Sumatra, 1946-1957)

Muhammad Naim Fakhirin Rezani

Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Terengganu, Malaysia

ABSTRACT - This study examines the reactions of Malay political leaders and the British administration in Malaya to the Social Revolution of East Sumatra, a radical movement after World War II that saw the removal of the aristocratic class and the formation of a new political power in East Sumatra. The revolution that occurred indirectly influenced the struggle for independence in Malaya, which became increasingly aggressive until the 1950s. The reactions of Malay political leaders to the revolution encompassed various aspects, especially after being given attention by left-wing parties. The situation influenced political developments in Malaya, which subsequently became a threat to the British, causing the colonial power to organize actions to control political developments in this country. This study uses primary sources obtained from the National Archive, Kew and the National Archives of Malaysia such as records from the Foreign Office (FO), Colonial Office (CO) and reports from the British Ministry of Defence (DEFCE) as the main sources for writing the study. The findings of this study summarize that the Social Revolution that occurred in East Sumatra influenced political developments in Malaya. This caused Malayan political leaders, especially from UMNO and left-wing parties, to react to the conflict. However, the reactions from the two parties differed because of their own party ideologies. In addition, the findings of this study also detail the British reaction to political developments in Malaya, especially regarding the influence of the revolution among political leaders in the country. This study provides new understanding of the development of inclusive politics involving the development of Malayan nationalism in the early days of independence.

ABSTRAK - Kajian ini meneliti reaksi pemimpin politik Melayu serta pentadbiran British di Tanah Melayu terhadap Revolusi Sosial Sumatera Timur, iaitu gerakan radikal pasca Perang Dunia Kedua yang menyaksikan penyingkiran golongan aristokrat serta pembentukan kuasa politik baharu di Sumatera Timur. Revolusi yang berlaku itu secara tidak langsung mempengaruhi perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu yang semakin agresif sehingga 1950-an. Reaksi pemimpin politik Melayu terhadap revolusi tersebut merangkumi pelbagai aspek, terutamanya setelah diberi perhatian oleh parti haluan kiri. Situasi tersebut mempengaruhi perkembangan politik di Tanah Melayu, seterusnya menjadi ancaman terhadap British sehingga menyebabkan kuasa kolonial tersebut menyusun tindakan bagi mengawal perkembangan politik di negara ini. Kajian ini menggunakan sumber primer yang diperolehi dari National Archive, Kew dan Arkib Negara Malaysia seperti rekod dari Foreign Office (FO), Colonial Office (CO) dan laporan Kementerian Pertahanan Britain (DEFCE) sebagai sumber utama untuk penulisan kajian. Dapatan kajian ini merumuskan Revolusi Sosial yang berlaku di Sumatera Timur mempengaruhi perkembangan politik di Tanah Melayu. Perkara ini menyebabkan pemimpin politik Tanah Melayu, terutamanya dari UMNO dan parti haluan kiri memberi reaksi terhadap konflik tersebut. Walau bagaimanapun, reaksi dari kedua-dua parti tersebut berbeza kerana ideologi parti tersendiri. Selain itu, dapatan kajian ini turut memperincikan reaksi British terhadap perkembangan politik di Tanah Melayu, terutamanya mengenai pengaruh dari revolusi tersebut dalam kalangan pemimpin politik di negara ini. Kajian ini memberi pemahaman baharu terhadap perkembangan politik inklusif yang melibatkan perkembangan nasionalisme Tanah Melayu pada awal kemerdekaan.

ARTICLE HISTORY

Received : 26th May 2025
Revised : 19th Aug. 2025
Accepted : 24th Sept. 2025
Published : 13rd Dec. 2025

KEYWORDS

Nasionalism
Malaya
Politik
Indonesia
Radicalism

KATA KUNCI

Nasionalisme
Tanah Melayu
Politik
Indonesia
Radikalisme

PENDAHULUAN

Pendudukan Jepun di Asia Tenggara, khususnya Indonesia dan Tanah Melayu dalam tempoh 1941 hingga 1945 membawa kesan mendalam terhadap perkembangan nasionalisme tempatan. Kebangkitan semangat nasionalisme di Indonesia berjaya memerdekakan negara tersebut pada 17 Ogos 1953 (Purwanto, 2023). Begitu juga di Tanah Melayu, semangat nasionalisme ini berjaya menyatukan masyarakat Melayu untuk menolak pentadbiran Malayan Union yang dicadangkan oleh British (Comber, 2016). Walaupun begitu, kemerdekaan yang dicapai oleh Indonesia bukan perkara yang mudah kerana perkembangan politik negeri tersebut pada tahun berikutnya memperlihatkan berlakunya tindakan revolusi secara besar-besaran (Purwanto, 2023). Definisi revolusi merangkumi kepada tindakan untuk melakukan perubahan yang besar, terutamanya dalam struktur politik negara. Perubahan ini biasanya berlaku secara radikal dan sering melibatkan penggulingan sistem lama untuk digantikan dengan sistem baru yang dianggap lebih adil atau sesuai dengan kehendak rakyat (Redecker, 2021).

Berdasarkan kepada definisi tersebut, perkembangan politik Indonesia pasca kemerdekaan mengalami perubahan pada peringkat awal melalui peristiwa Revolusi Sosial Sumatera Timur (RSST). Revolusi ini merupakan peristiwa penting dalam sejarah revolusi Indonesia pasca kemerdekaan. Revolusi ini mula tercetus pada awal Mac 1946 dan melibatkan kebangkitan masyarakat tempatan menentang sistem feodal yang menguasai struktur sosial dan ekonomi di wilayah Sumatera Timur. Perkara ini bukan sahaja mencerminkan pergolakan dalaman yang dicetuskan oleh masyarakat di Sumatera Timur, tetapi turut memberi kesan politik yang meluas kepada pembentukan negara Indonesia moden (Kahin, 2018).

Selain itu, tindakan yang dicetuskan oleh golongan nasionalis dan masyarakat tempatan di Indonesia ini turut mendapat perhatian oleh pemimpin politik di Tanah Melayu. Justeru, RSST dijadikan sebagai inspirasi kepada pemimpin politik di Tanah Melayu, terutamanya kepada golongan kiri dan nasionalis (Comber, 2016). Konflik RSST menjadi contoh kepada masyarakat di Tanah Melayu bahawa rakyat mempunyai kekuatan untuk menggulingkan sistem feodal yang disokong penjajah (Hack, 2016). Idea anti-feodal dan semangat revolusioner menular ke Tanah Melayu melalui hubungan budaya dan migrasi serta jaringan politik antara Indonesia dan Tanah Melayu. Parti politik seperti Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) menjadikan perjuangan rakyat Indonesia sebagai model dalam usaha mereka memperjuangkan kemerdekaan dari British (Hack, 2021). Perkara ini secara tidak langsung menjadi perhatian oleh British di Tanah Melayu. Oleh demikian, objektif makalah ini adalah memperincikan reaksi pemimpin politik di Tanah Melayu terhadap RSST yang berlaku di Indonesia. Selain itu, makalah ini turut memperincikan reaksi dan tindakan British yang melihat pengaruh RSST di Tanah Melayu ini sebagai ancaman terhadap kedudukan mereka.

KAJIAN LITERATUR

Sungguhpun terdapat banyak kajian sejarah yang dilakukan oleh sarjana terdahulu mengenai politik dan pengaruh nasionalisme di Tanah Melayu pasca Perang Dunia Kedua, namun kajian tersebut hanya membincangkan mengenai situasi yang berlaku secara umum. Perkara ini menyebabkan penulatan semangat nasionalisme melalui pengaruh situasi yang berlaku di Indonesia tidak diperincikan kajian yang dilakukan. Antara kajian tersebut adalah Abdillah Noh (2024) yang membincangkan dasar yang ditentukan oleh British di Tanah Melayu berdasarkan kepada kerangka dari UK dan pentadbiran British di India. Dasar tersebut mencorakkan struktur politik dan nasionalisme yang eksklusif berasaskan kaum di Tanah Melayu. Walaupun begitu, perkara tersebut hanya dibincangkan secara umum dan tidak memperincikan pengaruh nasionalisme Indonesia yang diberi perhatian khusus oleh masyarakat Melayu di negara ini pada penghujung 1940-an.

Selain itu, kajian oleh Armand Azra (2024) membincangkan perjuangan gerakan kiri di Tanah Melayu. Kajian ini menyatakan perjuangan yang dilakukan oleh golongan kiri seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dipinggirkan dan disekat oleh penindasan politik yang dilakukan oleh pentadbiran British di Tanah Melayu. Walaupun begitu, kajian ini hanya membincangkan bentuk perjuangan politik golongan kiri ini secara umum, sekali gus menyebabkan pengaruh dari nasionalis Indonesia terhadap politik tempatan pada 1940-an hingga 1950-an tidak diperincikan.

Kajian Milner dan Wong (2024) membincangkan hubungan antara historiografi kolonial dan pembentukan identiti kebangsaan di Malaysia. Kajian ini menyatakan perbincangan sejarah Malaysia, terutamanya perkara yang melibatkan politik dan nasionalisme perlu dilakukan dengan lebih menyeluruh dan inklusif supaya dapat mengiktiraf pelbagai lapisan masyarakat dan pengalaman sejarah. Walaupun begitu, kajian ini tidak membincangkan naratif perkembangan politik dan nasionalisme dengan lebih terperinci. Perkara ini menyebabkan reaksi pemimpin politik di Tanah Melayu terhadap RSST yang berlaku di Sumatera Timur tidak dibincangkan dalam kajian ini.

Dapatan kajian oleh Muhammad Asad Latif (2024) mengkaji hubungan antara agama Islam dan politik di Malaysia sejak awal kemerdekaan pada 1957 hingga 2023. Perbincangan kajian melibatkan hubungan dinamik antara kedua-dua elemen ini menjadi faktor yang menentukan perubahan tersebut. Walaupun kajian ini menjurus kepada kajian terhadap bidang sejarah politik Malaysia, namun, kajian ini turut membincangkan implikasi elemen agama Islam terhadap kestabilan politik di Tanah Melayu pada 1950-an. Namun begitu, konteks perbincangan terlalu umum sehingga menyebabkan bahagian yang penting terhadap nasionalisme di Tanah Melayu tidak diperincikan. Misalnya pengaruh

politik dari Indonesia terhadap perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu tidak diperincikan sedangkan naratif ini yang menentukan tahap perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu.

Begitu juga kajian Naoki Soda (2020). Kajian ini membincangkan mengenai pentadbiran kolonial British di Tanah Melayu yang memainkan peranan penting dalam membentuk identiti Melayu pada awal abad ke-20. Kajian ini menyatakan tindakan British membentuk pelbagai dasar dan kawalan terhadap politik tempatan menyebabkan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu perlahan berbanding dengan negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina. Namun begitu, kajian ini tidak memperincikan pengaruh yang berlaku terhadap nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu, terutamanya gerakan politik yang dibawa dari Indonesia.

Kajian oleh Lees (2017) membincangkan mengenai implikasi pemerintahan kolonial British di Tanah Melayu pada 1786-1941. Antara kesan yang dinyatakan adalah hubungan politik dan interaksi komuniti tempatan yang berpecah kepada pelbagai kumpulan. Antaranya adalah kumpulan bangsawan Melayu, pemimpin Cina, pekerja estet, pertubuhan antarabangsa dan masyarakat awam. Perpecahan ini seterusnya menyebabkan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu sukar untuk berkembang kerana berpecah mengikut kumpulan tersebut. Walaupun begitu, kajian ini tidak memperincikan kebangkitan nasionalisme oleh parti haluan kiri, terutamanya melalui pengaruh dari luar seperti Indonesia.

Kajian oleh Fogg (2020) membincangkan mengenai kebangkitan nasionalisme di Indonesia melalui tindakan revolusi yang dilakukan oleh pertubuhan Islam seperti Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah. Pertubuhan ini memainkan peranan aktif dalam perjuangan bagi menyebarkan ideologi. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan agama Islam digunakan sebagai sumber motivasi, struktur organisasi dan simbol moral dalam perjuangan melawan penjajah Belanda. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memperincikan perjuangan nasionalisme yang digerakkan oleh pertubuhan Islam tersebut berjaya mempengaruhi perjuangan yang dilakukan oleh masyarakat di Tanah Melayu dalam usaha menentang British.

Kajian oleh Kahin (2018) membincangkan perkembangan gerakan nasionalis Indonesia sejak awal abad ke-20 hingga kemerdekaan. Kajian ini memberi penekanan terhadap gerakan yang dilakukan oleh golongan elit politik seperti Sukarno dan Hatta. Walaupun konteks perbincangan lebih tertumpu kepada peristiwa penting yang berlaku di Indonesia seperti Proklamasi Kemerdekaan (1945) dan Perjanjian Linggadjati dan Renville, namun kajian ini tidak memperincikan RSST yang berlaku di Sumatera Timur pada 1946, sedangkan revolusi ini merupakan signifikasi terhadap kemerdekaan yang dicapai Indonesia.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu seperti kajian yang dinyatakan tersebut, rata-rata membincangkan mengenai nasionalisme yang berlaku di Tanah Melayu secara umum. Kajian terdahulu tidak memperincikan pengaruh RSST terhadap gerakan politik dan nasionalisme yang berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan di Tanah Melayu sama ada dalam bentuk ideologi mahupun tindakan. Justeru, kajian yang akan dilakukan ini akan memperincikan reaksi pemimpin politik Tanah Melayu terhadap RSST serta tindakan British dalam usaha menangani pengaruh politik Indonesia tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilakukan berkenaan reaksi masyarakat dan British di Tanah Melayu terhadap Revolusi Sosial Sumatera Timur Indonesia dilakukan menggunakan kaedah kualitatif melalui penganalisan terhadap sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah seperti laporan dan dokumen rasmi dari National Archive, Kew dan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur seperti *Colonial Office (CO)* dan *Foreign Office (FO)* sebagai sumber utama untuk kajian. Kesemua dokumen yang dinyatakan tersebut dianalisis secara tematik seperti yang dicadangkan oleh Ranke (2010). Kaedah tersebut bersesuaian untuk kajian yang meneliti perkembangan politik semasa di bawah pemerintahan kolonial British. Dalam konteks penyelidikan sejarah politik, kaedah analisis dokumen merupakan pendekatan penting yang melibatkan dua peringkat utama iaitu mengenal pasti dokumen yang relevan dengan objektif kajian serta melakukan perbandingan silang antara dokumen tersebut bagi memastikan ketepatan dan kekukuhan data. Sebagai contoh, penggunaan dokumen *Colonial Office (CO)* dan *Foreign Office (FO)* dipilih kerana kedua-duanya mengandungi minit mesyuarat, laporan rahsia, serta catatan pentadbiran yang merakam dasar dan tindakan British terhadap gerakan politik masyarakat Melayu dalam tempoh 1948 hingga 1959. Sumber primer tersebut memainkan peranan penting sebagai bukti kukuh yang memperincikan penilaian dan respons British terhadap perubahan politik di Tanah Melayu, khususnya berkaitan isu kebangkitan nasionalisme dalam dekad 1940-an dan 1950-an. Melalui analisis kritis terhadap dokumen-dokumen tersebut, penyelidik dapat membina naratif sejarah yang lebih tepat, kritis dan berasaskan fakta mengenai interaksi antara pihak kolonial dan masyarakat tempatan dalam era pra-kemerdekaan. Selain itu, kajian ini turut menggunakan akhbar yang diterbitkan dalam tempoh tersebut seperti *Utusan Melayu*, *Warta Malaya* dan *Malaya Tribune* bagi mendapatkan kesinambungan dengan dokumen rasmi yang diperolehi tersebut. Kajian yang dilakukan ini turut membuat perbandingan dengan sumber sekunder seperti buku dan makalah dari sarjana lalu supaya perbincangan yang dilakukan dapat memberi perspektif baharu untuk kajian yang dilakukan.

DAPATAN KAJIAN

Latar belakang Revolusi Sosial Sumatera Timur

Kawasan Sumatera Timur, khususnya di Medan, Langkat, Bulungan dan sekitarnya, diperintah oleh golongan feodal dan bangsawan Melayu sejak kurun ke-16. Antara kerajaan monarki yang berkuasa dalam tempoh tersebut adalah Kesultanan Melayu Langkat, Kesultanan Melayu Serdang, Kesultanan Melayu Deli dan Kesultanan Melayu Asahan. Setelah Belanda mentadbir dan membentuk Hindia Timur, pentadbiran monarki dan Kesultanan tersebut dikekalkan kuasa pentadbiran dan memiliki hak atas tanah bagi menguasai ekonomi pertanian seperti ladang tembakau dan getah (Shiraishi, 2021). Melalui sistem kolonial Belanda, golongan bangsawan tersebut menjadi perantara Belanda dan masyarakat tempatan. Walaupun begitu, golongan feodal ini dilihat oleh rakyat sebagai pentadbir yang menindas kerana bersama Belanda dan tidak membela nasib masyarakat tempatan (FO 810/14). Sejak Sultan bekerjasama dengan Belanda, masyarakat tempatan melihat Sultan hanya boneka kepada Belanda dan tidak membela masyarakat seperti yang dituntut oleh mereka (FO 810/14).

Semasa Jepun menduduki Indonesia pada 1941-1945, pentadbiran monarki di Sumatera Timur seperti Kesultanan Melayu Langkat, Kesultanan Melayu Serdang, Kesultanan Melayu Deli dan Kesultanan Melayu Asahan dikekalkan. Jepun menyedari bahawa untuk menguasai sebuah wilayah yang luas dan berpenduduk ramai seperti Indonesia, mereka tidak mampu bergantung sepenuhnya kepada kekuatan ketenteraan sahaja (CO 537/2502). Oleh itu, Jepun mengambil pendekatan 'ko-opting' atau menyerap masuk golongan elit tradisional, termasuk Sultan dan bupati (pembesar) dalam struktur pentadbiran tentera mereka. Dengan mengekalkan simbol kuasa tradisional ini, Jepun dapat memanipulasi ketaatan rakyat kepada pemimpin tempatan tanpa perlu membina asas pentadbiran baharu di wilayah Sumatera (CO 537/2502).

Selepas Jepun menyerah kalah, Sukarno mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945. Walaupun begitu, bentuk pentadbiran dan sistem pemerintahan Indonesia baharu masih lagi dipersoalkan kerana di Sumatera Timur, terdapat pemerintahan monarki yang berkuasa sejak kurun ke-16 (Meer, 2020). Dalam tempoh 'kekosongan' bentuk pentadbiran tersebut, masyarakat tempatan, terutamanya pejuang kemerdekaan yang radikal, mengambil peluang untuk menggulingkan sistem feodal yang masih wujud (CO 537/2502). Revolusi ini menyaksikan kebangkitan masyarakat tempatan yang bangkit menentang sistem feodal yang selama ini menguasai struktur sosial dan ekonomi wilayah tersebut (FO 810/21). Peristiwa ini berlaku dengan melibatkan keganasan yang melampau, termasuk pembunuhan golongan bangsawan bangsawan, rampasan harta dan pemusnahan simbol feodal, termasuk pembakaran istana (FO 810/21).

RSST memperlihatkan faktor utama yang mencetuskan tindakan masyarakat tempatan disebabkan oleh berlakunya ketidakseimbangan sosial dan penindasan di Sumatera Timur. Ketidakadilan sosial menjadi punca utama kepada tercetusnya revolusi ini. Sejak zaman penjajahan Belanda, sistem masyarakat di Sumatera Timur dibina melalui asas feodalisme yang memberikan kuasa mutlak kepada golongan bangsawan. Sultan dan golongan bupati (pembesar) di wilayah seperti Langkat, Deli dan Serdang diberi hak eksklusif oleh Belanda untuk mentadbir wilayah, mengutip cukai dan mengawal tanah pertanian, terutamanya ladang-ladang getah dan tembakau. Masyarakat tempatan seperti petani, pekerja ladang dan buruh hidup dalam keadaan tertindas, tanpa perlindungan undang-undang atau peluang meningkatkan taraf hidup sosial. Dalam tempoh tersebut, golongan feodal tersebut hidup mewah, manakala majoriti masyarakat tempatan hidup dalam kemiskinan. Ketegangan ini semakin meningkat apabila para bangsawan mula bersekutu dengan kepentingan kolonial Belanda, menjadikan mereka bukan sahaja sebagai elit sosial, tetapi juga alat politik penjajahan. Ini menimbulkan kemarahan rakyat yang selama ini dipaksa menerima sistem yang tidak adil dan menindas.

Di samping itu, masyarakat tempatan di Sumatera Timur turut mempunyai tanggapan bahawa pentadbiran monarki dan feodalisme di wilayah tersebut sebagai warisan penjajahan Belanda dan Jepun. Peranan pentadbiran kolonial Belanda dalam mengekalkan dan mengukuhkan kuasa bangsawan tempatan menjadi faktor yang melebarkan jurang sosial dengan masyarakat tempatan (Kahin, 2018). Dalam usaha mengawal wilayah jajahan dengan kos yang rendah rendah, pentadbiran Belanda melaksanakan sistem pemerintahan secara langsung dengan mengekalkan institusi feodal tempatan. Golongan bangsawan diberikan peranan dan kuasa besar dalam pentadbiran Belanda. Selain itu, mereka turut dilindungi oleh sistem perundangan kolonial (Kahin, 2018). Golongan monarki dan bangsawan ini turut memiliki kepentingan dalam perusahaan Belanda seperti syarikat perladangan dan lombong.

Semasa pentadbiran Jepun, golongan bangsawan tersebut turut dikekalkan dalam pentadbiran sebagai ejen kawalan sosial dan pentadbiran. Tambahan pula, Jepun memperkenalkan latihan ketenteraan kepada pemuda tempatan melalui organisasi seperti Giyugun (tentera sukarela) dan Pembela Tanah Air (PETA), yang akhirnya melahirkan generasi muda berideologi radikal dan anti-feodal (Shiraishi, 2021). Setelah Jepun menyerah kalah, sentimen anti-penjajah turut diluahkan kepada mereka yang dianggap sebagai sekutu penjajah, termasuk para bangsawan. Perkara ini secara tidak langsung memberi gambaran yang buruk mengenai pentadbiran golongan bangsawa. Justeru, masyarakat tempatan mula berpihak kepada golongan pencetus revolusi dan memberi sokongan penuh terhadap perjuang yang dilaksanakan (FO 371/76107).

Setelah Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945, Indonesia mengalami kekosongan kuasa yang besar, terutama di luar pulau Jawa. Pemerintahan pusat di Yogyakarta ketika itu tidak mampu menegakkan autoriti di seluruh negara. Di Sumatera Timur, kekosongan ini membolehkan kumpulan pemuda dan organisasi rakyat mengambil alih pentadbiran tempatan (Nugroho, 2020). Dalam keadaan tiada sistem kawalan yang tersusun, tindakan revolusioner menjadi pilihan

dan mendapat sokongan dari masyarakat tempatan. Masyarakat tempatan melihat pengekalan pentadbiran monarki di wilayah tersebut akan menekan sistem sosial masyarakat dan mereka tidak bebas untuk menjalankan kehidupan. Justeru, masyarakat tempatan memberi sokongan terhadap tindakan kumpulan revolusioner seperti Partai Komunis Indonesia, Partai Sosialis Indonesia, Persatuan Buruh dan Barisan Tani Indonesia. Golongan muda pula menyertai Pemuda Sosialis Indonesia (Pesindo) bagi mencapai matlamat untuk Indonesia bebas sepenuhnya dari warisan penjajah Belanda (Nugroho, 2020). Oleh demikian, kekosongan ini turut mewujudkan suasana huru-hara iaitu pelbagai kumpulan bersenjata mengambil tindakan sendiri sehingga menyebabkan pemerintahan monarki dan perlindungan undang-undang runtuh. Dalam konteks ini, golongan bangsawan yang selama ini menikmati kuasa tanpa sempadan menjadi sasaran balas dendam rakyat. Tindakan kekerasan seperti pembunuhan dan rampasan dianggap sah sebagai sebahagian daripada revolusi sosial (Fogg, 2020).

Seterusnya, faktor yang menyebabkan teretusnya gelombang RSST ini turut melibatkan kebangkitan pengaruh ideologi kiri sebagai tunjang nasionalisme di negara tersebut. Dalam tempoh awal kemerdekaan Indonesia, Sumatera Timur menjadi medan pertarungan ideologi antara nasionalisme sederhana dan radikalisme kiri. Gerakan pemuda dan buruh yang terpengaruh dengan sosialisme, komunisme dan ideologi anti-feudal mula menyebarkan propaganda untuk menjatuhkan sistem lama yang dianggap sebagai penghalang kepada kemajuan pembentukan negara baharu (FO 371/76107). Parti seperti Partai Sosialis dan cabang tempatan Parti Komunis Indonesia (PKI) berperanan besar dalam menggerakkan masyarakat tempatan untuk terlibat. Idea seperti penghapusan kelas feodal, pembahagian tanah dan pemerintahan rakyat menjadi slogan utama kumpulan yang mencetuskan revolusi. Kumpulan pemuda seperti Barisan Pemuda Republik Indonesia (BPRI) dan Laskar Rakyat memainkan peranan penting dalam menyerbu istana, menawan bangsawan dan merampas asset golongan bangsawan (FO 371/76111). Revolusi ini dilihat sebagai lanjutan logik kepada perjuangan kemerdekaan: jika penjajah telah diusir, maka struktur dalam negara yang menindas rakyat juga mesti dihancurkan.

Revolusi yang berlaku di Sumatera Timur ini memberi kesan mendalam dan terus mempengaruhi perjalanan sosial, politik dan ekonomi Indonesia hingga ke hari ini. Antara kesan tersebut adalah impak terhadap struktur sosial tradisional wilayah Sumatera Timur. Impak utama RSST ialah keruntuhan sistem feodal dan kedudukan golongan bangsawan tradisional, terutama sekali dalam kalangan bangsawan Melayu di Sumatera Timur. Golongan tersebut telah lama menjadi alat pentadbiran penjajah Belanda dan menikmati keistimewaan daripada sistem kolonial yang menindas rakyat biasa. Mereka memiliki tanah yang luas, kuasa adat serta kedudukan tinggi dalam masyarakat (Bevins, 2020). Walau bagaimanapun, setelah kemerdekaan Indonesia diisytiharkan, persepsi masyarakat tempatan terhadap mereka berubah. Semasa berlakunya RSST, banyak istana yang dibakar dan dirampas oleh masyarakat tempatan. Selain itu, golongan revolusioner yang digerakkan oleh PKI dan Pesindo turut bertindak kejam dengan membunuh golongan kerabat diraja dan bangsawan yang lain (FO 371/69752). Kekejaman ini berlaku kerana pentadbiran monarki tersebut dilihat sebagai penghalang kepada pembentukan masyarakat baru yang lebih adil dan setara (FO 371/69752). Akibatnya, struktur sosial tradisional yang telah wujud selama ratusan tahun runtuh dalam masa yang singkat. Revolusi ini menjadikan masyarakat tempatan lebih berani menentang kekuasaan lama dan mempersoalkan autoriti yang selama ini dianggap suci dan dihormati (FO 371/69752).

Dari aspek politik, Revolusi Sosial telah mencetuskan satu peralihan kuasa yang besar iaitu dari sistem pemerintahan berasaskan keturunan dan kerjasama dengan penjajah, kepada sistem berasaskan nasionalisme dan penglibatan masyarakat tempatan. Golongan pemuda, gerakan buruh, dan militan rakyat yang menyokong republik tampil sebagai kuasa baru yang berpengaruh dalam pentadbiran Indonesia baharu (Kenshujo, 2015). Revolusi ini memperlihatkan betapa kuatnya semangat anti-feudalisme dan anti-kolonialisme dalam kalangan masyarakat tempatan. Gerakan pemuda seperti Pesindo memainkan peranan penting dalam menjatuhkan pentadbiran monarki dan bangsawan di Sumatera Timur (Kenshujo, 2015). Perubahan ini memperkukuh cengkaman Republik Indonesia ke atas wilayah-wilayah yang sebelum ini dikuasai oleh sistem tradisional dan pro-Belanda (FO 371/69752).

Walaupun bagaimanapun, dalam jangka pendek, revolusi ini turut menimbulkan cabaran besar kepada pemerintah yang berpusat di Jakarta. Dalam keadaan pentadbiran yang masih belum stabil dan kekurangan kekuatan ketenteraan yang menyeluruh, Tentera Nasional Indonesia (TNI) menghadapi kesukaran untuk menenangkan pemberontakan, menyusun semula struktur pemerintahan tempatan dan mengawal kumpulan bersenjata yang bertindak secara bebas (Febrica, 2023). Revolusi sosial ini menjadi medan uji kepada keupayaan pentadbiran Sukarno untuk mengimbangi antara tuntutan rakyat bawahan dengan keperluan untuk mengekalkan kestabilan nasional. Sekiranya republik terlalu menyebelahi golongan revolusioner, ia berisiko kehilangan sokongan elit dan pemilik sumber. Jika terlalu konservatif, maka pemerintah Indonesia yang berpusat di Jakarta akan dituduh sebagai mengkhianati semangat revolusi (Febrica, 2023).

Walaupun begitu, pemerintah Indonesia, Sukarno menyatakan pentadbiran negara Indonesia yang moden perlu mendahulukan masyarakat tempatan. Justeru, peristiwa revolusi yang tercetus di Sumatera Timur ini segera ditangani oleh pemerintah. Perkara ini bukan sahaja melibatkan kerahan tentera, tetapi yang lebih penting adalah membentuk pentadbiran wilayah Sumatera Timur ini dengan segera. Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan kecekapan Sukarno dalam menangani peristiwa besar seperti RSST tersebut. Beliau mencadangkan supaya wilayah tersebut ditadbir secara langsung oleh Komite Nasional Indonesia yang memiliki hubungan dengan pentadbiran pusat di Jakarta (Anderson, 2018). Sukarno turut menyatakan pentadbiran baharu ini akan memastikan wilayah Sumatera Timur diperintah

secara adil dan melibatkan masyarakat tempatan (Anderson, 2018). Oleh demikian, RSST yang berlaku tersebut memberi impak terhadap runtuhnya pentadbiran tradisional yang diterapkan selama ratusan tahun.

Selain itu, revolusi yang tercetus di Sumatera Timur turut memberi impak terhadap hubungan sosial antara masyarakat. Perkara ini dapat dilihat berlakunya ketegangan kaum dan trauma sosial yang berpanjangan. Di Sumatera Timur, misalnya, konflik tersebut bukan sahaja berlaku antara kelas bangsawan dan rakyat, tetapi juga antara kumpulan etnik seperti Melayu, Batak, Jawa dan Cina. Dalam keadaan tegang dan tidak terkawal itu, unsur perkauman sering dijadikan alasan tambahan untuk membenarkan keganasan (Anderson, 2018). Kebanyakan masyarakat dari kaum Melayu yang dahulunya memegang kuasa sebagai bangsawan, menjadi mangsa kemarahan masyarakat dari kaum berlainan yang menganggap mereka sebagai pro-Belanda. Sebaliknya, masyarakat kaum lain seperti Jawa dan Batak yang dianggap sebagai pendatang pula disyaki sebagai perampas tanah (FO 371/63615). Konflik ini berlarutan dalam bentuk ketidakpercayaan dan ketegangan yang masih dirasakan dalam struktur sosial Indonesia sehingga 1950-an. Tambahan pula, kekejaman yang berlaku dalam revolusi meninggalkan trauma psikologi terhadap masyarakat yang terlibat dalam peristiwa tersebut secara langsung (FO 371/63615). Oleh demikian, walaupun revolusi yang berlaku tersebut meninggalkan kesan yang besar terhadap politik dan masyarakat di Sumatera Timur. Walaupun revolusi yang berlaku berjaya menghapuskan sistem yang dikatakan menindas masyarakat, namun keadaan yang berlaku meninggalkan kesan yang negative terhadap perhubungan masyarakat di wilayah tersebut.

Reaksi Pemimpin Politik di Tanah Melayu Terhadap Revolusi Sosial

Reaksi masyarakat Melayu, terutamanya pejuang kemerdekaan terhadap Revolusi Sosial di Sumatera Timur sangat berbeza dan bergantung kepada kedudukan sosial, latar belakang pendidikan, dan orientasi politik mereka. Secara umumnya, politik masyarakat Melayu boleh dibahagikan kepada dua golongan utama dalam konteks ini iaitu kumpulan nasionalis dan kumpulan haluan kiri. Kumpulan nasionalis di Tanah Melayu terdiri dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organization/UMNO) kerana mempunyai hubungan yang baik dengan British dan Sultan di Tanah Melayu. Kumpulan haluan kiri pula terdiri dari pejuang kemerdekaan yang radikal dan memperjuangkan kemerdekaan secara keras di Tanah Melayu seperti Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Wanita Sedara (AWAS) dan Angkatan Pemuda Insaf (API).

Reaksi UMNO

Dalam konteks ini, UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu), yang ditubuhkan pada tahun yang sama revolusi tersebut berlaku melihat perkembangan di Indonesia dengan teliti dan berhati-hati kerana dalam masa yang sama, UMNO berusaha menjaga hubungan dengan British dan Sultan di Tanah Melayu. Justeru, reaksi UMNO terhadap revolusi yang berlaku di Sumatera Timur ini merangkumi beberapa aspek tindakan yang dilakukan oleh pemimpin UMNO seperti simpati politik, penolakan ideologi komunis dan perubahan strategi.

UMNO ditubuhkan oleh golongan bangsawan, pegawai Melayu yang berkhidmat dengan British dan pemimpin konservatif yang bertujuan mempertahankan kedudukan istimewa orang Melayu, khususnya institusi raja-raja Melayu dan menolak gagasan Malayan Union yang cuba menghapuskan kedaulatan Sultan (Ooi Kee Beng, 2010). Perkara tersebut menjadikan UMNO sebuah parti yang berteraskan nasionalisme konservatif Melayu. Perkara ini membezakan UMNO dengan pejuang kemerdekaan dari aliran nasionalisme kiri seperti yang berkembang di Indonesia selepas perang. Ketika RSST berlaku di Indonesia, UMNO merupakan parti baharu ditubuhkan dan dalam proses membina asas sokongan (CO 537/4790). Oleh itu, perkembangan di Indonesia terutamanya kekacauan yang melibatkan pembunuhan bangsawan Melayu oleh gerakan rakyat, dilihat dengan kebimbangan dan keprihatinan yang mendalam oleh UMNO (CO 537/4790). Ketua Pemuda UMNO, Tun Abdul Razak Hussein menyatakan tindakan yang berlaku di Sumatera Timur adalah contoh perjuangan kemerdekaan yang tidak terkawal. Perkara tersebut menyebabkan berlakunya konflik berdarah dan mengheret masyarakat tempatan dalam konflik tersebut (CO 537/4790). Perkara ini jelas menunjukkan pendirian UMNO terhadap revolusi yang berlaku di Sumatera Timur adalah sebuah tindakan yang melanggar batas walaupun tujuannya adalah untuk kemerdekaan negara.

Selain itu, pemimpin UMNO turut menzahirkan rasa simpati terhadap perkembangan politik yang berlaku di Sumatera Timur. Hubungan masyarakat di Tanah Melayu dan Sumatera Timur secara amnya mempunyai ikatan budaya, bahasa dan sejarah yang rapat, terutamanya di kawasan seperti Deli dan Langkat (Ho Ying Chan, 2020). Oleh itu, terdapat elemen simpati budaya terhadap penderitaan yang menimpa bangsawan dan rakyat Melayu di Sumatera Timur dalam Revolusi Sosial. Namun, simpati ini tidak diterjemahkan dalam bentuk sokongan terhadap revolusi. Sebaliknya, pemimpin UMNO mengambil pendekatan lebih berhati-hati dan berjarak. Perkara ini dapat dilihat pada kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh Presiden UMNO, Dato' Onn Jaafar. Dato' Onn Jaafar mengkritik tindakan yang berlaku di Sumatera Timur itu sebagai tindakan yang tidak berkeperimanusiaan kerana ramai golongan bangsawan yang dibunuh itu tidak semuanya bersalah (CO 537/4790). Selain itu, beliau turut menyatakan perjuangan kemerdekaan yang dilakukan oleh golongan pelampau di Sumatera menyebabkan masyarakat turut berada dalam keadaan yang tidak tenteram (CO 537/4790). Kenyataan oleh Tun Abdul Razak dan Dato' Onn Jaafar berhubung situasi politik yang berlaku di Indonesia ini menunjukkan simpati politik yang dizahirkan oleh UMNO berhubung peristiwa tersebut. Walaupun UMNO menyokong perjuangan untuk kemerdekaan negara, namun parti tersebut menolak keganasan yang dicetuskan oleh ahli politik dan masyarakat tempatan di Indonesia.

Di samping itu, reaksi UMNO terhadap RSST yang tersebut turut merangkumi kebimbangan mengenai ancaman terhadap institusi tradisional Melayu, terutamanya pemerintahan monarki. Revolusi Sosial Sumatera Timur menyaksikan ratusan kerabat diraja dan bangsawan Melayu dibunuh atau disingkirkan oleh masyarakat tempatan yang dipengaruhi oleh ideologi kiri seperti sosialisme dan komunisme (Lane, 2020). Tindakan ini dianggap sebagai serangan secara langsung terhadap sistem feodal tradisional yang berasaskan kedudukan raja dan bangsawan, sesuatu yang menjadi kontradiksi dengan perjuangan UMNO. UMNO yang berakar dari sistem tersebut feodal Tanah Melayu, bahkan pengasasnya Dato' Onn Jaafar datang dari golongan bangsawan (CO 537/3748). Dato' Onn Jaafar melihat peristiwa tersebut sebagai kemusnahan terhadap budaya Melayu. Justeru, UMNO cenderung menolak sebarang bentuk revolusi sosial yang menggugat kedudukan sosiopolitik Melayu tradisional. Dalam erti kata lain, UMNO melihat kejadian di Sumatera Timur bukan sebagai satu kebangkitan keadilan masyarakat, tetapi sebagai satu penghinaan terhadap warisan dan institusi Melayu (CO 537/3748).

Antara elemen utama dalam RSST ialah pengaruh kuat ideologi kiri, terutamanya sosialisme dan komunisme. Oleh demikian, UMNO melihat RSST sebagai tindakan kejam yang didalangi persatuan radikal yang berfahaman oleh komunisme. Perkara ini menyebabkan UMNO tidak memberi sokongan terhadap RSST yang berlaku di Indonesia walaupun tindakan tersebut berjaya memusatkan kuasa pemerintahan baharu di Indonesia (CO 537/7297). Parti seperti PKI (Partai Komunis Indonesia) dan organisasi pemuda seperti Pesindo memainkan peranan penting dalam mencetuskan pemberontakan masyarakat di Sumatera Timur. Kedua-dua persatuan tersebut berjaya menggerakkan masyarakat tempatan untuk menggulingkan sistem feodal sedia ada dan menggantikan perkara tersebut dengan pemerintahan baharu. Berdasarkan kepada situasi tersebut, UMNO mengambil pendirian tegas menentang komunisme. Pendirian UMNO untuk menolak perjuangan komunis ini dilakukan sejak parti itu ditubuhkan. Dato' Onn menyatakan UMNO menolak perjuangan komunis kerana fahaman komunisme menolak struktur hierarki sosial tradisional, menentang institusi agama dan mendukung perjuangan kelas secara radikal (CO 537/7297). Selain itu, Dato' Onn turut menyatakan perjuangan komunis bertentangan dengan nilai-nilai Melayu-Islam yang diperjuangkan UMNO (CO 537/7297). Justeru, RSST yang berlaku di Indonesia, khususnya sifat kejam yang dilakukan oleh revolusioner, menjadi pengajaran kepada UMNO tentang ancaman ideologi kiri terhadap keselamatan negara. Oleh demikian, UMNO memperkukuh naratif bahawa kemerdekaan Tanah Melayu harus dicapai melalui cara yang aman, berunding dengan penjajah British dan mengekalkan struktur sosial Melayu sedia ada.

Peristiwa RSST yang menjadi konflik besar di Indonesia turut mempengaruhi pendekatan strategik UMNO dalam meraih sokongan masyarakat di Tanah Melayu. UMNO sedar bahawa ketidakpuasan dalam kalangan rakyat miskin dan kelas bawahan boleh meletus menjadi kebangkitan radikal sekiranya tidak ditangani dengan baik. Justeru, walaupun UMNO menolak perjuangan oleh revolusioner, namun UMNO berusaha menyesuaikan agenda politik parti tersebut agar turut menyentuh keperluan rakyat biasa (CO 537/7298). Berdasarkan kepada situasi tersebut, UMNO mula mengemukakan isu-isu seperti pembelaan terhadap ekonomi masyarakat Melayu, isu pendidikan dan tanah rizab Melayu, penentangan terhadap diskriminasi ekonomi oleh penjajah dan kaum imigran yang menguasai sektor perdagangan. (CO 537/7298). Tujuan isu tersebut diangkat sebagai perjuangan parti adalah untuk memastikan masyarakat Melayu tidak terpengaruh oleh ideologi kiri atau menyertai parti-parti yang lebih radikal seperti PKMM atau Parti Komunis Malaya (PKM). RSST yang tercetus di Indonesia menjadi amaran terhadap UMNO tentang situasi yang akan berlaku sekiranya tuntutan masyarakat tidak diberi perhatian. Perkara ini menyebabkan kepimpinan UMNO menjadikan sosioekonomi masyarakat Melayu sebagai asas terhadap perjuangan parti itu. Melalui perkara tersebut, UMNO pada dasarnya berjaya mengimbangi perjuangan politik parti dan kehendak masyarakat, sekali gus berjaya mengawal 'suhu' politik di Tanah Melayu (CO 537/7298).

Reaksi Peminpin Politik Haluan Kiri

Parti haluan kiri seperti PKMM, API, AWAS dan PKM menganggap RSST sebagai sebuah kebangkitan yang selari dengan matlamat perjuangan mereka iaitu menubuhkan kolonialisme dan membina masyarakat yang adil, bebas dari penindasan kelas dan feodal (FO 371/76111). Parti haluan kiri di Tanah Melayu berkongsi matlamat perjuangan dengan gerakan revolusioner di Indonesia. Perkara ini dapat dilihat pada kenyataan Dr. Burhanuddin al-Helmy mengenai tindakan radikal yang berlaku di Indonesia. Beliau menyatakan perjuangan untuk kemerdekaan negara tidak hanya bermaksud membebaskan diri daripada penjajahan asing, tetapi juga bermaksud menghapuskan struktur sosial yang menindas, termasuk sistem feodal dan kekuasaan elit tradisional (CO 537/3748).

PKMM yang ditubuhkan pada tahun 1945 oleh tokoh nasionalis seperti Mokhtaruddin Lasso, Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ahmad Boestamam, secara terang-terangan menolak sistem feodal di Tanah Melayu. Mereka menyuarakan penolakan terhadap elit Melayu yang bersubahat dengan penjajah British, sama seperti rakyat Indonesia bangkit menolak bangsawan yang menyokong Belanda (DEFE 11/44). Dalam hal ini, RSST menjadi cerminan matlamat perjuangan yang diusulkan oleh golongan kiri terhadap Tanah Melayu (CO 537/6000). Begitu juga dengan PKM, parti paling kiri dan radikal terhadap politik Tanah Melayu turut melihat revolusi Indonesia sebagai perjuangan untuk kelas sosial masyarakat. PKM menganggap rakyat Indonesia telah memulakan 'revolusi demokratik rakyat' untuk menggulingkan golongan bangsawan yang didakwa oleh mereka sebagai 'penindas' bagi mencapai matlamat perjuangan utama parti iaitu membina masyarakat tanpa kelas sosial di Tanah Melayu (CO 537/6000). Gerakan ini sejajar dengan strategi mereka untuk menggerakkan perjuangan bersenjata melawan penjajah British dan sistem kapitalis.

Revolusi Sosial di Sumatera Timur juga menjadi sumber inspirasi strategi politik dan gerakan massa kepada parti haluan kiri di Tanah Melayu. Kebangkitan rakyat di Sumatera Timur menunjukkan bahawa perubahan radikal mampu dilakukan melalui kerahan dan penglibatan masyarakat tempatan, khususnya petani dan buruh (CO 825/82/3). Perkara tersebut mengukuhkan keyakinan para pemimpin haluan kiri untuk melibatkan masyarakat tempatan melalui API yang memainkan peranan membentuk sayap pemuda radikal yang memperjuangkan kemerdekaan penuh melalui tindakan langsung (CO 825/82/3). Selain itu, golongan kiri turut membentuk AWAS iaitu sebuah persatuan yang terdiri dari wanita progresif yang memperjuangkan hak wanita dan peranan dalam perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu (tna). Bagi membuktikan perjuangan golongan kiri turut membawa agenda masyarakat bawahan, golongan kiri turut membentuk Barisan Tani Malaya (BATAS) (CO 1022/208).

Di samping itu, kebangkitan rakyat di Indonesia juga mendorong usaha pembentukan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan kemudian All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA) yang menggabungkan pelbagai parti kiri dan progresif untuk menuntut kemerdekaan serta keadilan sosial di Tanah Melayu (CO 1022/204). Pembentukan PUTERA-AMCJA adalah langkah progresif yang diusahakan oleh golongan kiri di Tanah Melayu bagi memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu. Walaupun tidak semua pemimpin golongan kiri menjadikan revolusi bersenjata seperti di Indonesia sebagai langkah perjuangan, namun semangat untuk membina kuasa rakyat tetap menjadi teras perjuangan kiri di Tanah Melayu (CO 1022/204). Pemimpin parti haluan kiri seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy menjadikan revolusi yang berlaku di Indonesia sebagai asas perjuangan PKMM (CO 1022/204). Perkara tersebut sekaligus menjadi kontradiksi dengan UMNO kerana UMNO berusaha mengelakkan parti tersebut mendapat pengaruh dari perjuangan radikal yang dilakukan oleh golongan revolusioner Indonesia.

Parti kiri di Tanah Melayu sangat terpengaruh oleh semangat solidariti serantau dan Pan-Melayu, khususnya hubungan erat dengan tokoh-tokoh nasionalis Indonesia seperti Sukarno, Tan Malaka, dan Sutan Sjahrir. Kebanyakan pemimpin kiri Tanah Melayu, terutamanya dari PKMM dan API, mendapat inspirasi terus daripada perkembangan di Indonesia. Misalnya, Ahmad Boestamam, pemimpin API, menulis dalam bukunya iaitu Testament Politik API bahawa perjuangan Indonesia adalah:

“panji-panji revolusi yang mesti kita kibarkan di Tanah Melayu” (Boestamam, 1946).

Perkara ini jelas menunjukkan pengaruh revolusi yang berlaku di Indonesia terhadap bentuk perjuangan dan semangat pemuda dari golongan kiri di Tanah Melayu. Di samping itu, hubungan ini juga bersifat praktikal kerana kebanyakan aktivis golongan kiri Tanah Melayu mendapat perlindungan atau pendidikan politik di Indonesia selepas tahun 1945 (CO 1022/204). Malah, terdapat juga kerjasama dalam bentuk sokongan logistik dan ideologi antara aktivis dari kedua-dua wilayah. Dalam erti kata lain, RSST tidak hanya dilihat berdasarkan kepada perspektif dan reaksi, tetapi turut dihayati sebagai perjuangan bersama Nusantara untuk membebaskan diri daripada penjajahan dan ketidakadilan sosial (CO 1022/204).

Secara asasnya, parti haluan kiri di Tanah Melayu menyambut RSST dengan semangat solidariti, inspirasi ideologi dan cita-cita perjuangan bersama rakyat tertindas. Mereka melihat revolusi itu bukan sekadar peristiwa tempatan di Indonesia, tetapi sebagai manifestasi sejagat perjuangan di Tanah Melayu untuk menentang kolonialisme, kapitalisme dan feodal lama yang telah lama menguasai kehidupan masyarakat. Walaupun terdapat perbezaan pendekatan dan keprihatinan terhadap keganasan yang berlaku, namun parti haluan kiri tetap berpendapat bahawa revolusi rakyat adalah jalan sah untuk membina masa depan yang adil dan merdeka.

Reaksi British terhadap Perkembangan Politik di Tanah Melayu

Peristiwa revolusi yang tercetus di Sumatera Timur pada tahun 1946 telah memberi impak besar kepada politik Tanah Melayu yang masih di bawah naungan penjajah British dalam tempoh tersebut. Kebangkitan rakyat Indonesia menentang golongan bangsawan dan sistem feodal yang dianggap sebagai sekutu penjajah telah mencetuskan kebimbangan besar dalam kalangan pentadbir British di Tanah Melayu (FO 371/76000). Ketika RSST memperlihatkan kebangkitan masyarakat dalam menggulingkan struktur tradisional dan penjajahan, British turut melihat kemungkinan pengaruh tersebut berlaku di Tanah Melayu, khususnya melalui perjuangan oleh ideologi kiri dan nasionalisme radikal (FO 371/76000). Lantaran itu, British mula mengambil langkah yang tegas dan sistematik untuk mengekang serta menindas pemimpin politik yang dianggap berpotensi mengancam kestabilan pentadbiran kolonial di Tanah Melayu.

Bagi pihak British, RSST bukan sekadar pergolakan domestik, tetapi tanda awal kepada kebangkitan rakyat di seluruh Asia Tenggara. Oleh sebab Sumatera Timur dan Tanah Melayu hanya dipisahkan oleh Selat Melaka, British menyedari bahawa semangat serta ideologi revolusi dari Indonesia berpotensi merebak dengan cepat ke Tanah Melayu. Hal ini lebih membimbangkan kerana wujudnya hubungan rapat antara golongan nasionalis kiri di Tanah Melayu dan Indonesia, yang terjalin melalui jaringan parti politik, pelajar, dan gerakan buruh merentas sempadan (FO 371/101228). Setiausaha Tanah Jajahan, Arthur Jones menyatakan, situasi yang berlaku di Indonesia akan memberi ancaman terhadap kedudukan British di Tanah Melayu. Justeru, beliau mencadangkan kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Edward Gent agar sebuah tindakan dilaksanakan secara menyeluruh (FO 371/101228). British bimbang bahawa jika keadaan yang berlaku tidak dikawal, masyarakat di Tanah Melayu, terutamanya golongan petani dan pekerja akan bangkit melawan pemerintahan kolonial dan tradisional seperti yang berlaku di Indonesia. Justeru, mereka segera bertindak menyekat sebarang unsur yang boleh mencetuskan ‘domino revolusi’ di rantau ini (FO 371/101228).

Sebagai tindak balas terhadap kebangkitan rakyat di Indonesia, British meningkatkan tekanan terhadap parti haluan kiri yang dilabel oleh British sebagai radikal di Tanah Melayu (CO 537/4248). Antara parti yang paling terkesan ialah parti haluan kiri seperti PKMM, API, AWAS, BATAS dan PKM. Parti tersebut dianggap sebagai ancaman kepada British kerana mereka menuntut kemerdekaan penuh dan menolak sistem feodal Melayu yang dilindungi oleh British (CO 537/4248). Setelah melihat kejadian di Sumatera, British menganggap pemimpin parti haluan kiri sebagai pencetus penghasut pemberontakan di Tanah Melayu (CO 537/4248). Justeru, British mula bertindak melalui penahanan dan penangkapan pemimpin parti kiri, walaupun tanpa bukti kukuh, atas alasan keselamatan negara (CO 537/4248). Misalnya, pada tahun 1947–1948, ramai pemimpin API seperti Ahmad Boestamam dan Ishak Haji Muhammad mula ditahan. PKM pula mula dipinggirkan secara politik sebelum akhirnya diharamkan pada 1948.

Kesan langsung daripada kebimbangan British terhadap potensi kebangkitan ala-revolusi di Sumatera Timur ialah mengharamkan parti politik haluan kiri di Tanah Melayu. Pada 1948, British telah mengeluarkan arahan bahawa API dan AWAS diharamkan. Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Edward Gent menyatakan parti politik seperti API dan AWAS diharamkan untuk bergiat aktif terhadap politik di Tanah Melayu disebabkan tindakan pemimpin parti itu cuba menghasut masyarakat untuk bertindak dengan lebih agresif (CO 875/72/1). Perjuangan API dianggap sebagai organisasi pemuda yang paling radikal dan pro-revolusi, dilarang bergiat aktif kerana menghasut dan menyebarkan ajaran komunis di Tanah Melayu. AWAS pula, walaupun sebuah pertubuhan wanita, dilihat sebagai sayap kiri yang berpotensi menyemarakkan gerakan massa wanita ke arah anti-kolonialisme (CO 875/72/1). Pengharaman ini menunjukkan bahawa British bukan sahaja berusaha menyekat ideologi revolusioner daripada tersebar di Tanah Melayu.

Sebagai strategi jangka panjang untuk mengekang pengaruh revolusi, British mula mengukuhkan parti yang setia kepada sistem kolonial seperti UMNO. UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1946 dipimpin oleh golongan bangsawan dan elit Melayu yang bersifat konservatif serta menolak pendekatan radikal (CO 1022/183). Melalui sokongan politik dan birokratik, British menjadikan UMNO sebagai rakan politik rasmi dalam proses menuju kemerdekaan secara berperingkat dan terkawal. Melalui tindakan tersebut, suara-suara radikal yang terinspirasi oleh RSST berjaya disisihkan, manakala naratif ‘kemerdekaan secara aman dan berunding’ dijadikan agenda rasmi oleh British dan pemimpin politik elit tempatan (CO 1022/183).

Secara asasnya, konflik RSST telah mencetuskan gelombang kebimbangan dalam kalangan penjajah British terhadap kemungkinan tercetusnya revolusi rakyat di Tanah Melayu. Dalam usaha bagi mengelakkan situasi tersebut berlaku, British melaksanakan pelbagai tindakan keras terhadap pemimpin politik, khususnya dari kalangan parti haluan kiri. Penahanan, pengharaman dan tindakan melabel sebagai perjuangan ‘komunis’ dilaksanakan bagi menghapuskan suara rakyat yang menuntut kemerdekaan penuh dan keadilan sosial.

KESIMPULAN

Konklusinya, Revolusi Sosial Sumatera Timur (RSST) adalah peristiwa yang kompleks dan berdarah, namun tindakan tersebut mencerminkan perjuangan masyarakat menuntut keadilan sosial dan pembaharuan terhadap struktur masyarakat. Kajian ini secara tidak langsung memaparkan terhadap keadaan masa kini dengan membantu menjelaskan pemahaman tentang hubungan sejarah Malaysia–Indonesia dan hubungan interaksi politik serantau dahulu membentuk kepekaan terhadap isu nasionalisme dan kestabilan politik hari ini. Justeru, RSST memperlihatkan gabungan ketidakadilan ekonomi, pengaruh kolonialisme, perkembangan ideologi kiri, kekosongan kuasa, dan semangat kemerdekaan mencetuskan revolusi untuk meruntuhkan struktur lama. Walaupun revolusi meninggalkan kesan kontroversi, namun situasi tersebut menjadi tonggak penting dalam sejarah pembentukan Indonesia moden. Perkara tersebut secara tidak langsung menyebabkan pengaruh revolusi tersebut mudah tersebar di Tanah Melayu, terutamanya setelah perkara tersebut digerakkan oleh parti haluan kiri. Tindakan radikal yang berlaku di Indonesia seterusnya dijadikan contoh perjuangan oleh parti haluan kiri di Tanah Melayu. Oleh demikian, British mula bertindak dengan keras terhadap golongan kiri di Tanah Melayu supaya kekacauan yang dicituskan tidak melarat seperti yang berlaku di Indonesia. Akhirnya, melalui strategi yang memberi tekanan terhadap golongan kiri, British berjaya menyusun semula politik Tanah Melayu agar lebih ‘terkawal’, sekaligus memastikan bahawa kemerdekaan yang dicapai pada 1957 berlaku dalam bentuk yang selamat bagi kepentingan kolonial dan elit tempatan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak editorial The International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC) kerana memberi galakan dan panduan yang sempurna dalam membantu penulisan ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Arkib Negara Malaysia dan National Archive, Kew di atas bantuan yang diberikan bagi menyempurnakan kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang kepentingan atau kecenderungan peribadi kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

Dr. Muhammad Naim Fakhirin membentuk kertas kerja, mengumpul data primer untuk tujuan penyelidikan dan memuktamadkan kajian bagi tujuan penerbitan.

RUJUKAN

- Abdillah Noh. (2024). *Malaysia's State Formation Small Steps and Large Outcomes of a Contested Leviathan*. New York: Routledge Inc.
- Ahmad, M.Y. (2005). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Malaysia.
- Anderson, B. (2018) *Violence and the State in Suharto's Indonesia*. New York: Cornell University Press.
- Azman C.M., Wan Ainun Sailah W.A., Azarudin A., Wan Noor Hazlina W.J. (2021). Tahap amalan kaedah hafazan Al-Quran dalam kalangan pelajar Program Al-Quran Imtiaz. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 3(1), 57-72.
- Azra bin Azlira, A. (2023). Producing the subaltern: Epistemic violence against the Malay left, c. 1945–1957. *Indonesia and the Malay World*, 51(151), 231-256.
- Bevins, V. (2020). *The Jakarta Method: Washington's Anticommunist Crusade and the Mass Murder Program that Shaped World*. New York: Public Affairs Publishers.
- Boestamam, A. (1946). *Testament Politik A. P. I*. Kuala Lumpur: Malayan Printers.
- CO 1022/183. (1950). Constitution and functions of the 'United Malays National Organisation'.
- CO 1022/204. (1953). Monthly political intelligence reports from the Federation of Malaya, High Commissioner's office.
- CO 1022/208. (1953). Monthly emergency and political reports on Malaya and Singapore, compiled from local sources.
- CO 537/2502. (1947). Reports on military situation in Indonesia.
- CO 537/3748. (1948). Malaya: political developments; Indonesian influence in the Malay Peninsula.
- CO 537/4248. (1948). Communism: departure of suspect communists to Malaya.
- CO 537/4790. (1948). Political developments: influence of Dato Onn and UMNO in Malayan politics.
- CO 537/6000. (1950). Communist infiltration into Malaya.
- CO 537/7297. (1951). Political developments: influence of Dato Onn President of the United Malays National Organisation (UMNO) in Malayan politics.
- CO 825/82/3. (1950). Malaya: monthly political intelligence reports for 1950.
- CO 875/72/1. (1950). Anti-communist campaign in Malaya: correspondence and booklets.
- Comber, L. (2016). *Templer and the Road to Malayan Independence*. Singapore: ISEAS.
- DEFE 11/44. (1951). Situation in Malaya and its defence.
- Febrica, S. (2023). *Indonesia and the Indo-Pacific*. Singapore: Taylor & Francis Publishers.
- FO 371/101228. (1951). Malaya: political and military affairs; campaign against bandits; FARELF situation reports during 1952.
- FO 371/63615. (1947). Situation in Indonesia: Netherlands-Indonesian negotiations
- FO 371/69752. (1948). Situation in Indonesia: Netherlands-Indonesian negotiations.
- FO 371/76000. (1949). Weekly and monthly political and situation reports from Malaya.
- FO 371/76107. (1949). Reports on military situation in Indonesia.
- FO 371/76111. (1949). Political and military situation in Indonesia.
- FO 810/14. (1948). Political situation - Indonesia.
- Fogg, K. W. (2020). *Indonesia's Islamic Revolution*. London: Cambridge University Press.
- Ghaffar, M.N.A. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Hack, K. (2021). *The Malayan Emergency: Revolution and Counterinsurgency at the End of Empire*. London: Cambridge University Press.
- Ho Ying Chan. (2020). *Special Relationship in the Malay World: Indonesia and Malaysia*. Singapore: ISEAS.
- Kahin, G. (2018). *Nationalism and Revolution in Indonesia*. New York: Cornell University Press.
- Kenshujo, B. (2015). *The Invasion of the Dutch East Indies*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Kerlinger, F.N. (1970). *Foundations of behavioral research: Educational and psychological inquiry*. London: Holt. Reinhart and Winston.

- Konting, M.M. (1993). *Memahami Penyelidikan Pendidikan: Satu Pengenalan (Edisi ke-4)*. Fakulti Pengajian Pendidikan. Serdang: Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Lane, M. (2020). *Continuity and Change After Indonesia's Reforms*. Singapore: ISEAS.
- Latif, M. A. (2024). Political struggle of Malaysia and Islam: moderating and radicalizing the state, society, and religion alternately (1957–2023). *Discover global society*, 2(1), 40.
- Lees, L. H. (2017). *Planting Empire, Cultivating Subjects British Malaya, 1786-1941*. London. Cambridge University Press.
- Meer, D. (2020). *Performing Power: Cultural Hegemony, Identity and Resistance in Colonial Indonesia*. New York: Cornell University Press.
- Milner, A., & Wong, W. W. (2024). Winstedt, colonialism and the Malaysian history wars. *Indonesia and the Malay World*, 52(153), 179-198.
- Nugroho, S. (2020). *The Divergent Nation of Indonesia: Heterogeneous Imaginings in Jakarta, Kupang, and Banda Aceh*. Singapore: Springer Publishing.
- Ooi Kee Beng. (2010). *Between UMNO and a Hard Place The Najib Razak Era Begins*. Singapore: ISEAS.
- Purwanto, B. (2023). *Revolutionary Worlds: Local Perspectives and Dynamics during the Indonesian Independence War, 1945-1949*. London: Routledge.
- Redecker, E. (2021). *Praxis and Revolution: A Theory of Social Transformation*. Columbia: Columbia University Press.
- Shiraishi, T. (2021). *The Phantom World of Digul: Policing as Politics in Colonial Indonesia, 1926-1941*. Singapore: NUS Press.
- Soda, N. (2020). *Conceptualizing the Malay World Colonialism and Pan-Malay Identity in Malaya*. Tokyo: Kyoto University Press.